



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1983
DR.4/1983

Naskhah sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1983.
2. Seksyen 8 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut:

Tajuk ringkas.

Pindaan seksyen 8. Akta 91.

"Precedence of Judges. 8. The Judges shall take precedence in the following order:

- (a) the Lord President;
- (b) the Chief Justices in such order as may be assigned to them by the Yang di-Pertuan Agong;
- (c) the Judges of the Federal Court according to the priority of their respective appointments as Judges of the Federal Court and where they are appointed on the same date, in such order as may be assigned to them by the Yang di-Pertuan Agong; and

(d) the other Judges according to the priority of their respective appointments as Judges and where they are appointed on the same date, in such order as may be assigned to them by the Yang di-Pertuan Agong.”.

Pindaan
seksyen 37.

3. Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “section 64 (2) or by” dan “(as the case may be)”.

Pindaan
seksyen 50.

4. Seksyen 50 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (2):

(i) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “a person convicted” perkataan-perkataan “or otherwise found guilty”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “conviction” perkataan-perkataan “or finding of guilt”;

(b) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (3) subseksyen (3A) baru yang berikut:

“(3A) (i) Notwithstanding the preceding provisions of this section, either party may apply to the Federal Court for leave to appeal against any other order made by the High Court involving a question of law of public interest that would affect or has affected the course of the trial in the exercise of its original criminal jurisdiction.

(ii) The application for leave referred to in paragraph (i) shall be made to the Federal Court by motion within seven days of the making of the order sought to be appealed against, and in the event leave is granted, the appeal shall proceed to be heard on the motion for leave.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat beberapa pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Pindaan dalam fasal 2 mengadakan peruntukan mengenai keutamaan Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi yang

dilantik pada tarikh yang sama dan *fasal 3* ialah pindaan berbangkit setelah peruntukan relevan dalam Akta Mahkamah Rendah 1948 dimansuhkan.

2. Pindaan dalam *fasal 4* ialah untuk membolehkan mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding memohon kepada Mahkamah Persekutuan untuk mendapat kebenaran merayu, di luar lingkungan seksyen 50 (2) dan (2A), terhadap apa-apa perintah Mahkamah Tinggi yang melibatkan perkara undang-undang mengenai kepentingan awam yang akan atau telah menjejaskan perjalanan perbicaraan di Mahkamah Tinggi dalam menjalankan bidang kuasa jenayah asalnya. Permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara mengemukakan usul dalam tempoh tujuh hari selepas perintah itu dibuat dan, sekiranya kebenaran diberi oleh Mahkamah Persekutuan, rayuan hendaklah terus dibicarakan atas usul bagi kebenaran itu. Pindaan ini juga membolehkan seseorang yang didapati bersalah, tanpa sabitan direkodkan, merayu terhadap keputusan yang mendapati dia bersalah itu. Pada masa ini hanya seseorang yang disabitkan kesalahan boleh merayu terhadap sabitan atau hukuman atau kedua-duanya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1185.]